

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 41

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian akan mempertimbangkan elaun khas RM100 kepada kakitangan bukan pengurusan dan profesional Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daripada Skim "S" yang pernah dicadangkan oleh BN dahulu namun tidak dilaksanakan memandangkan bebanan tugas yang digalas oleh JKM semakin meningkat dalam membantu kebajikan rakyat di akar umbi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak pernah diminta untuk menimbangkan cadangan pemberian elaun khas sebanyak RM100 kepada Kumpulan Pelaksana dari Skim S. Sehubungan itu, adalah tidak benar bahawa ia tidak dilaksanakan.

Beban tugas anggota perkhidmatan awam di JKM adalah setara dan tidak tertumpu hanya kepada kumpulan pelaksana dari skim S sahaja berikutan peningkatan bilangan penghuni dan pelanggan perkhidmatan kebajikan. Penambahan beban yang mendadak berlaku disebabkan oleh keprihatinan masyarakat terhadap isu-isu sosial dan kebajikan. Tugas di JKM tidak hanya disempurnakan oleh satu skim sahaja. Pelaksanaan sesuatu urusan bantuan melibatkan kerjasama dan tindakan daripada kumpulan pelaksana dari Skim W, N, U dan H. Pemberian elaun khas terbabit perlu mengambil kira peranan kumpulan pelaksana dari skim lain yang turut terlibat serta kemampuan kewangan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 42

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status terkini kad yang dikatakan akan dikeluarkan untuk membantu dan memberikan subsidi minyak kepada golongan sasar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang diperingkat akhir memuktamadkan cadangan mekanisme penyampaian subsidi petrol bersasar untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Pengumuman lanjut berkaitan program ini akan dibuat sejurus setelah mendapat kelulusan tersebut.

Merangka satu program subsidi petrol baru yang betul-betul sempurna akan mengambil masa yang terlalu lama untuk dilaksanakan. Oleh itu, KPDNHEP berpandangan bahawa kaedah bantuan tunai terus ke akaun bank penerima subsidi adalah kaedah terbaik pada masa ini. Pelaksanaan program Bantuan Sara Hidup (BSH) membuktikan kaedah penyampaian bantuan kerajaan terus kepada penerima yang efektif dan cepat.

Oleh itu, bermula dengan mekanisme yang sedia ada membolehkan Kementerian untuk melaksanakan program subsidi petrol bersasar dengan segera seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2019. Pada masa yang sama ia memberikan ruang kepada kementerian untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak dan seterusnya memperbaiki secara tangkas (*agile*) mekanisme pelaksanaan subsudi petrol mahupun penetapan kriteria penerima subsidi petrol.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah kawalan pertanian bagi mengekang racun-racun seludup dari Thailand yang menyalahi undang-undang dari segi kandungan bahan *Active Ingredients* (A.I) yang berbahaya kepada manusia seperti yang berlaku di Cameron Highlands.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Racun makhluk perosak di Malaysia di kawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pertanian. Setiap racun makhluk perosak yang ingin diimport atau dikilang hendaklah didaftarkan terlebih dahulu sebelum boleh dijual atau digunakan. Ini bagi memastikan hanya racun makhluk perosak yang berkualiti dan selamat digunakan seperti yang disyorkan pada label berada dalam pasaran di negara ini.
2. Bagi mengekang kemasukan racun-racun yang diseludup daripada Thailand atau negara-negara lain, Kementerian melalui Jabatan Pertanian menjalankan aktiviti penguatkuasaan melibatkan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), pemeriksaan di premis-premis jualan racun makhluk perosak dan pemeriksaan secara berkala ke kebun-kebun bagi memastikan tiada sebarang aktiviti melibatkan racun perosak yang diseludup. Sebarang

NO SOALAN :43

racun makhluk perosak seludup yang dijumpai akan dirampas dan tindakan di ambil di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

3. Di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, terdapat tiga seksyen yang boleh dikenakan ke atas pihak yang melakukan kesalahan iaitu:

- i. Seksyen 13(2) - pihak yang didapati mengimport racun makhluk perosak tidak berdaftar;
- ii. Seksyen 20(3) - pihak yang didapati menjual racun makhluk perosak tidak berdaftar; dan
- iii. Seksyen 53A (1) - pihak yang memiliki atau menggunakan racun makhluk perosak tidak berdaftar.

4. Satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai Agensi/Jabatan penguatkuasaan seperti Kastam, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), KPDNHEP, Polis Diraja Malaysia (PDRM),

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan MAQIS telah ditubuhkan pada tahun 2005 bagi memperkuatkuahkan lagi usaha menyekat kemasukan racun makhluk perosak tidak berdaftar ke dalam negara. Maklumat berkaitan racun makhluk perosak akan dikongsi dengan agensi berkenaan bagi menyekat kemasukan racun-racun tersebut. Satu Mesyuarat Jawatankuasa Membanteras Racun Makhluk Perosak Tidak berdaftar telah diadakan pada 9 Julai 2019.

5. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian juga menggalakkan Amalan Pertanian Baik (APB) yang mengambil kira pengurusan ladang yang mesra alam dengan penggunaan racun dan bahan kimia yang berdaftar dan mengikut tatacara yang betul bagi memastikan hasil yang dikeluarkan adalah selamat dimakan.

6. Pihak Kementerian akan menambahbaik kaedah dan memperkuatkuahkan usaha-usaha mengekang kemasukan racun-racun yang diseludup serta menggalakkan semua pihak yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan penyeludupan racun makhluk perosak tampil membantu Kementerian menangani isu berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 44

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan berapakah jumlah terkini hutang peminjam yang masih belum dikutip oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dan apakah penyelesaian tambahan yang bakal diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2019, jumlah bayaran balik PTPTN yang masih tertunggak adalah sebanyak RM6.54 bilion atau 29.3 peratus berbanding jumlah keseluruhan yang patut dikutip, sebanyak RM22.33 bilion.

Untuk strategi dan dasar baharu bayaran balik PTPTN, satu Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) telah disediakan dan dipaparkan mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019 di laman sesawang bagi membolehkan keseluruhan rakyat memberikan cadangan serta pandangan.

Dapatan daripada KKR akan diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenal pasti cadangan terbaik yang akan digunakan sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

RJM 122

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 45

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan

- a. apakah jumlah pelajar sepenuh masa di kampus UMS Sandakan pada masa kini; dan
- b. apakah rancangan untuk menambah jumlah kursus yang terdapat dalam kampus UMS Sandakan agar memenuhi keperluan pendidikan rakyat Sabah

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sebagai makluman Yang Berhormat, seramai 398 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan.
- b) Bagi setiap program akademik yang akan ditawarkan oleh universiti awam (UA), ia perlu melalui penilaian oleh Kementerian dan mendapat kelulusan sebelum ditawarkan kepada umum. Jawatankuasa yang dilantik oleh Kementerian akan menyaring dan meneliti setiap permohonan penawaran program baharu agar memenuhi keperluan guna tenaga dan industri.

Di samping itu, UA diwajibkan untuk menjalankan kajian pasaran bagi program yang akan ditawarkan dari semua aspek termasuklah lokasi penawaran program tersebut. Ini kerana lokasi penawaran sesuatu program memainkan peranan yang penting dalam menentukan permintaan sesuatu program agar program yang ditawarkan selaras dengan kehendak bukan sahaja daripada penduduk setempat malah melangkaui sempadan negeri.

Sekian, terima kasih.

RJM 126

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 46

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan status peruntukan RM1 bilion bagi menaik taraf semua sekolah daif di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju dengan keputusan Kerajaan Pusat iaitu dana peruntukan RM1bilion daripada Kerajaan Negeri Sarawak sebagai bayaran hutang perlu dimasukkan ke akaun Kumpulan Wang Disatukan di Kementerian Kewangan Malaysia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan (PP) Perkara 97(1). Keputusan ini adalah hasil daripada sesi perjumpaan di antara YB Menteri Pendidikan dan Ketua Menteri Sarawak yang telah diadakan pada 24 April 2019.

Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memohon semula peruntukan menaik taraf dan pembaikan sekolah daif Sarawak melalui permohonan bajet tahunan bawah Peruntukan Pembangunan (DE). Peruntukan sebanyak RM1bilion ini adalah peruntukan “*over and above*” daripada peruntukan pembaikan sekolah daif sedia ada.

Pemilihan sekolah yang dicadangkan untuk dilaksanakan dalam projek ini adalah berdasarkan keperluan sekolah daif serta mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan murid, ketersediaan tapak sekolah, akses dan lokasi sekolah, keselamatan murid dan bangunan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

RJM 123

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan

- a. berapa ramaikah penuntut lepasan Diploma dalam bidang teknikal dari Kolej Vokasional di seluruh negara sejak tahun 2015 sehingga 2019 dan kenapa Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi mereka yang layak menuntut di Kolej Vokasional Kuching tidak dikeluarkan sehingga sekarang; dan

- b. sekiranya sijil itu akan dikeluarkan, maka bilakah sijil itu akan dikeluarkan dan kalau tidak maka Kementerian perlu memberi penjelasan kepada pelajar-pelajar yang terlibat supaya mereka tidak tertunggu-tunggu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula dilaksanakan pada tahun 2012. Di bawah dasar TPV, program yang ditawarkan di kolej vokasional (KV) adalah Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam tempoh dua (2) tahun selepas Penilaian Tahap 3 (PT3) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dalam tempoh dua (2) tahun enam (6) bulan. Bagi pelajar yang berjaya memperoleh SVM, mereka akan ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke DVM. Dalam usaha menambah baik persijilan di KV, KPM juga menawarkan persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia di KV.

Sehingga kini, jumlah pelajar TVET di KV adalah seramai 2,273 orang pada tahun 2016; 12,741 orang pada tahun 2017; dan seramai 13,740 orang pada tahun 2018.

- b. Berkaitan persijilan kemahiran di KV Kuching, semua pelajar yang berdaftar telah menduduki penilaian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi kohot 2014 yang lepas. Semua sijil SKM bagi pelajar yang berjaya telah dikeluarkan oleh JPK untuk diedarkan kepada pelajar melalui KV Kuching pada 12 April 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelajar KV akan menduduki penilaian SKM selepas tamat Latihan Industri bagi setiap sesi pengajian dan persijilan SKM akan dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.

RJM 127

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 48

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan kadar keberkesanan agenda yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat sehingga hari ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah ditubuhkan berperanan sebagai **Badan Utama Bagi Menangani Isu – Isu Dan Cabaran Berhubung Kenaikan Kos Sara Hidup** yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, **NACCOL** bertujuan untuk **memperkuuh dan menyelaras pelaksanaan strategi – strategi dan pelan tindakan berkaitan isu sara hidup** dengan berkesan melalui **kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu. Terdapat pelbagai inisiatif yang dilaksanakan di bawah NACCOL antaranya:

- i) **Pelaksanaan Kad My100 Dan My50** bagi tambang pengangkutan awam untuk rakyat Malaysia sahaja. Inisiatif my100 ini boleh digunakan selama 30 hari tanpa had untuk penggunaan di semua servis tren dan bus **RapidKL** laitu **LRT, MRT, BRT, Monorel, dan Bas RapidKL**. Manakala **Pas MY50** pula adalah **Pas berharga RM50** untuk 30 hari penggunaan di perkhidmatan bas RAPIDKL sahaja, termasuk bas MRT tetapi tidak termasuk bas BRT. Sehingga April 2019, pelaksanaan **MY100** di bawah **Kementerian Pengangkutan** telah memberi manfaat kepada **357,250 orang pengguna** Rapid Rail. Manakala bagi kad **MY50**, ia telah memberi manfaat kepada **9,781 orang pengguna** Bas Rapid Transit (BRT) bagi tempoh yang sama. (Cadangan – cadangan ini telah dibentangkan di NACCOL pada **Mesyuarat Bil 1/2018 pada 25 September 2018** dan dibawa ke Jemaah Menteri bagi kelulusan);

- ii) Pelaksanaan **tambang diskaun Xtra20** bagi **Komuter KTM** telah mula dilaksanakan pada **1 April 2019** dan dijangka akan memberi manfaat kepada pengguna di bandar dan luar bandar. Melalui inisiatif ini, para pengguna kini boleh **menjimatkan sehingga RM176.00 sebulan** dengan **kadar tambang serendah RM0.80** dengan penggunaan kad kad diskaun tambang yang baharu ini; dan Diharapkan Sekretariat ini akan terus memainkan peranan dalam merangka inisiatif dan dasar baru khususnya untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat secara umumnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 49

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan tentang kadar ponteng sekolah di Malaysia dan faktor utama yang menyumbang kepada masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa berdasarkan rekod Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), statistik salah laku ponteng murid pada tahun 2018 adalah rendah iaitu pada kadar 2.28 peratus berbanding keseluruhan enrolmen murid seluruh negara. Faktor utama yang menyumbang kepada masalah ponteng sekolah adalah seperti berikut:

1. Faktor diri sendiri seperti bersikap negatif terhadap pelajaran, mempunyai konsep kendiri yang lemah, tidak mempunyai dorongan dan motivasi dalam pelajaran;
2. Faktor keluarga seperti suasana rumah tangga yang menghadapi krisis, kemiskinan dan desakan bekerja untuk membantu keluarga; dan
3. Pengaruh rakan sebaya yang cenderung mempengaruhi melakukan sesuatu perkara yang negatif.

KPM sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam menangani salah laku ponteng sekolah. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran bagi tujuan penegasan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan pencegahan dan intervensi yang bersesuaian;
2. bekerjasama dengan pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) dan melalui inisiatif Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) untuk membantu mengesan murid yang didapati ponteng sekolah dan berada di luar kawasan sekolah serta memujuk murid hadir ke sekolah;
3. menjalankan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Jawatankuasa Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak oleh JKM yang membantu kebajikan murid-murid yang ada isu berkaitan kemiskinan;
4. kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan Program Jom ke Sekolah dengan objektif untuk membantu sekolah membentuk sahsiah diri murid termasuk menangani isu ponteng sekolah;
5. pelancaran Program Ziarah Cakna, yang bertujuan untuk memperluas konsep sekolah penyayang bagi memperkuatkukuhkan hubungan antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga melalui amalan ziarah guru ke rumah murid untuk bertemu dengan ibu bapa/penjaga;
6. penguatkuasaan peraturan dan tindakan oleh pihak sekolah ke atas murid yang didapati ponteng sekolah; dan
7. menggalakkan pelibatan murid dalam kegiatan kokurikulum di sekolah yang bertujuan untuk memupuk serta mengukuhkan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid merentas semua aktiviti yang dianjurkan. Pelibatan murid dalam kegiatan kokurikulum juga dapat menghindarkan masalah ponteng sekolah dan seterusnya membendung pengaruh negatif dalam kalangan murid sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 50

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah pihak Kementerian melihat terdapat sebarang keperluan drastik untuk mewujudkan suatu akta khusus untuk memastikan berita yang dikeluarkan oleh media massa dan elektronik adalah berita yang benar dan tidak mengelirukan rakyat. Contohnya video yang mengaitkan seorang Menteri Kabinet dengan seorang lelaki baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah menerima banyak aduan penyalahgunaan media sosial serta pandangan/ cadangan untuk mengatasi masalah ini. Kementerian berpandangan bahawa, kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dihormati dan dibuat dengan cara yang berhemah agar tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun menjaskannya keselamatan negara. Usaha ini bukan untuk menyekat kebebasan bersuara, tetapi sebaliknya untuk mengekalkan kesopanan dan mengelakkan pandangan berbaur hasutan serta sensitif yang boleh memberi kesan terhadap keselamatan negara.
2. Sehubungan itu, Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan termasuk pihak media dalam mencari jalan dan membangunkan rangka yang sesuai berhubung mekanisme terbaik untuk menangani masalah-masalah yang berbangkit dengan penggunaan media sosial dan berita berunsurkan fitnah atau negatif di internet. Sekiranya terdapat keperluan untuk meminda atau menggubal undang-undang sedia ada, perkara tersebut akan dilaksanakan setelah mengambil kira kepentingan semua pihak yang berkaitan.
3. Bagi Akta AntiBerita Tidak Benar (Akta 803), Kerajaan akan tetap meneruskan hasrat untuk memansuhkan Akta berkenaan kerana undang-undang sedia ada adalah mencukupi bagi memantau penyebaran berita palsu. Pindaan dan penguatkuasaan bagi undang-undang sedia ada juga boleh dilaksanakan bagi memastikan perkara ini dapat dikekang daripada berleluasa pada masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 51

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab semakin ramai pelajar perlu memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk melanjutkan pelajaran dan bagaimana pihak Kementerian dapat menangani situasi peningkatan permintaan terhadap pinjaman PTPTN dari tahun ke tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan kepada sumber kewangan bagi membiayai pendidikan tinggi adalah faktor utama pelajar membuat permohonan pinjaman PTPTN. Walau bagaimanapun, perbandingan kelulusan pinjaman untuk tempoh 10 tahun (2009 hingga 2018), purata kelulusan pinjaman telah menurun daripada purata seramai 200,000 orang peminjam baharu setahun untuk tempoh 2009 hingga 2013, berbanding purata sebanyak 190,000 orang peminjam untuk tempoh 5 tahun terkini (2014 hingga 2018).

Sebagai langkah mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada pinjaman bagi tujuan pendidikan tinggi, PTPTN telah memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) mulai tahun 2004 bagi memupuk budaya menabung bagi tujuan pendidikan tinggi di kalangan ibu bapa. Sehingga 31 Mei 2019, jumlah deposit SSPN adalah sebanyak RM4.88 bilion melibatkan sebanyak 4,096,167 akaun.

Sekian, terima kasih.

RJM 129

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pencerobohan nelayan asing di perairan negara serta :-

- a. berapakah kadar kerugian akibat pencerobohan tersebut terhadap hasil tangkapan laut. Apakah usaha untuk meningkatkan hasil pendapatan nelayan; dan
- b. apakah strategi dan perancangan yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2018, sebanyak 110 buah vesel penangkapan ikan asing telah ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi kesalahan menceroboh perairan negara. Berikutan kes-kes pencerobohan tersebut, Kementerian menganggarkan kerugian hasil laut negara adalah di antara RM3 bilion hingga RM6 bilion setiap tahun. Anggaran ini adalah berdasarkan data daripada sumber penguatkuasaan dan kajian teknikal yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

2. Bagi membantu meningkatkan pendapatan nelayan, usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan keupayaan bot dan kecekapan peralatan menangkap ikan melalui program pinjaman mudah dana nelayan seperti Skim Pinjaman Nelayan Pantai (SNEP), Skim Pinjaman Nelayan Enjin Dalam (SNED) dan Skim Pinjaman Transformasi Nelayan. Merujuk kepada Kajian Dana Nelayan 2017, purata pendapatan nelayan yang menyertai kemudahan pinjaman tersebut meningkat kepada RM3,800 sebulan daripada RM1,500 sebulan.
- (ii) Memberikan peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan secara terus menerusi pasar nelayan kepada pelbagai peringkat pengguna. Sehingga tahun 2018, terdapat sebanyak 128 buah pasar nelayan yang telah dibina di seluruh negara. Berdasarkan kepada kajian keberkesanan pasar nelayan, sebanyak 30% nelayan yang terlibat berupaya meningkatkan pendapatan daripada RM980 sebulan kepada RM1,200 sebulan.
- (iii) Mengurangkan kerugian selepas tuai (*post-harvest losses*) melalui galakan amalan baik pengendalian hasil tangkapan seperti '*hygiene on board*', penggunaan ais yang mencukupi dan kotak insulasi yang efisyen. Dianggarkan 10 hingga 20 peratus daripada hasil tangkapan mampu ditingkatkan dan dipasarkan.
- (iv) Mempelbagai aktiviti ekonomi nelayan menerusi keterlibatan di dalam bidang akuakultur, ternakan ikan hiasan, industri asas tani dan agro-pelancongan. Berdasarkan kepada Laporan Banci Sosioekonomi Nelayan dan Data Isi Rumah 2017/2018, purata pendapatan tambahan yang diperolehi daripada aktiviti tersebut adalah sebanyak RM500 hingga RM1,000 sebulan.

3. Antara tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah pencerobohan vesel nelayan asing adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepada di kawasan ‘hotspot’ yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebagai contoh, Operasi NAGA 1/2019 (Ops NAGA) telah berjaya menahan sebanyak 52 buah vesel nelayan asing yang menceroboh perairan negara.
- (ii) Mempergiatkan aktiviti *Monitoring, Controlling and Surveillance* (MCS) vesel penangkapan ikan melalui *Vessel Monitoring System* (VMS) dan *Automatic Identification System* (AIS) oleh Jabatan Perikanan Malaysia.
- (iii) Mulai bulan September 2017, Jabatan Perikanan Malaysia tidak lagi memperbaharui lesen bagi vesel perolehan luar negara seperti Thailand, Vietnam, China, Brunei dan Filipina; sama ada terpakai atau bina baharu. Usaha ini dapat mengurangkan aktiviti pengklonan vesel nelayan tempatan yang berdaftar oleh nelayan asing.
- (iv) Melaksanakan ‘*pilot project*’ bagi penggunaan *Quick Response Code - QR* dan *Radio Frequency Identification - RFID* ke atas vesel laut dalam sebagai kaedah identifikasi dan pemantauan vesel tempatan di laut.
- (v) Mempergiatkan program pemutihan vesel laut dalam berdasarkan undang-undang, syarat dan dasar pelesenan yang ditetapkan bagi memastikan lesen yang diluluskan adalah pengusaha yang benar-benar tulen sahaja. Sejak tahun 2011 sehingga 2017, sebanyak 577 vesel laut dalam telah dibatalkan lesen di bawah program ini.

Sekian, terima kasih.